

Negara Malaysia

Pemuda Pahang serius bimbing pemimpin pelapis

JERANTUT, Ahad — Pergerakan Pemuda UMNO Pahang sedang serius membimbing dan mengetengahkan golongan muda yang berpotensi untuk menjadi pemimpin pelapis masa depan.

Adalah diharapkan pemimpin-pemimpin muda ini kelak akan diberi peluang menjadi calon-calon dalam pilihanraya akan datang.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Negeri, Datuk Najib Tun Abdul Razak, berkata, inilah salah satu cara untuk menguji ketokohan pemimpin-pemimpin muda.

Katanya, beliau akan terus berusaha dan berjuang mengetengahkan pemimpin muda di Pahang.

Datuk Najib memberitahu pemberita demikian selepas merasmikan kursus Bina Semangat UMNO bahagian Jerantut di Sekolah Kebangsaan Kuala Tembeling dekat sini, pagi semalam.

Pergolakan

Katanya, Pahang tidak ketandusan pemimpin-pemimpin malah terdapat ramal pemimpin muda yang berpotensi boleh diketengahkan.

Semasa berucap di majlis tersebut, Datuk Najib terus terang berkata, pergolakan UMNO di Pahang timbul berikutan ketiadaan latihan dan bimbingan yang tersusun bagi pemimpin baru.

Beliau berkata, ahli-ahli UMNO hendaklah mengukuhkan perpaduan di semua peringkat untuk menghadapi cabaran masa depan.

Bagaimanapun, katanya, golongan pelapis ini nanti jangan pula disebut sebagai pelapis scumur hidup.

Tetapi katanya, mereka hendaklah menjadi barisan pelapis atau pemimpin peringkat negeri seterusnya peringkat persekutuan.

Katanya, pemimpin muda perlu dilatih di semua peringkat dan diberi peluang membuktikan kepimpinannya.

Datuk Najib mengingatkan ahli-ahli UMNO Pahang yang mereka mempunyai tugas berat untuk mempertahankan rekod 100 peratus kemenangan seperti terbukti dalam pilihanraya 1978.